

PENDEKATAN TEORI TERHADAP GEJALA LEPAK

Azizi Yahaya & Gan Lui Nam
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Artikel ini membincangkan pendekatan teori terhadap gejala lepak di kalangan remaja. Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan dalam menghuraikan perlakuan lepak di kalangan remaja.

Katakunci : pendekatan teori, gejala lepak.

Pendekatan Teori

Terdapat beberapa teori yang sesuai digunakan untuk menghuraikan perlakuan melepak di kalangan pelajar sekolah menengah. Antaranya ialah:

Teori Psikogenik

Kvreceus, W. C. (1945), menyatakan seseorang individu mempunyai pelbagai tingkah laku adalah hasil daripada masalah psikologi. Antara faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku ialah bila wujudnya emosi tidak gembira. Kebanyakan remaja yang tidak gembira adalah hasil dari keluarga yang berpecah. Persekitaran kekeluargaan adalah faktor yang lebih penting mempengaruhi tingkah laku jika dibanding dengan peranan struktur familinya. Ini bermakna tidak semestinya keluarga yang berpecah akan mendatangkan remaja yang bersedih. Apa yang lebih penting ialah persekitaran atau suasana keluarga itu sendiri.

Teori Perkembangan Maslow

Abraham Maslow (1968), membahagikan keperluan-keperluan manusia kepada keperluan fisiologi dan keperluan psikologi. Ini dapat dijelaskan melalui Hierarki Maslow. Keperluan fisiologi adalah keperluan paling asas seperti makan, minum, bernafas, berkumuh, rehat, tidur dan hubungan seks. Manakala, keperluan psikologi adalah mendapat keselamatan, kasih sayang, harga diri dan kebenaran diri.

Menurut Maslow (1968), keperluan pada aras terendah perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan peringkat seterusnya. Peringkat seterusnya tidak akan wujud sekiranya masih tidak dapat memenuhi keperluan di peringkat yang lebih rendah. Hierarki Maslow merupakan satu susunan keperluan-keperluan dalaman daripada paling kuat sehingga paling lemah, di mana ia boleh menggerakkan dan mengarahkan sesuatu tingkah laku. Keperluan

di peringkat paling rendah adalah keperluan yang lebih kuat dan sepatutnya perlu bagi mengekalkan kestabilan hidup. Jika gagal memenuhi keperluan asas, seseorang individu akan mengalami gangguan fisiologi dan psikologi.

Menurut Maslow (1968), individu yang sempurna tidak sempurna tidak semestinya mencapai kesemua ciri kesempurnaan sendiri. Hanya individu unggul sahaja dapat mencapai kesempurnaan sendiri.

Remaja sering cuba mengubah tingkah laku apabila terdapat konflik kekurangan keperluan diri sendiri dengan persekitaran. Remaja yang tidak tercapai peringkat yang lebih tinggi dalam hierarki adalah sukar untuk mencapai kesempurnaan diri dan mudah terpesong ke arah aktiviti melepak.

Teori Perkembangan Psikososial

Teori Perkembangan Psikososial Erikson telah dikemukakan oleh Eric Erikson (1956), mengemukakan teori perkembangan psikososial. Teori telah menjelaskan perkembangan manusia lebih menjerumus kepada perkembangan identiti. Menurut Erikson (1956), terdapat 8 tahap perkembangan pada setiap peringkat perkembangan psikososial ini, individu akan mengalami konflik dengan manusia lain. Apabila manusia berjaya menghadapi konflik, mereka akan bergerak ke arah tahap seterusnya. Antara konflik ialah percaya lawan tidak percaya, autonomi lawan kesangsian, inisiatif lawan rasa bersalah, kecekapan lawan rasa rendah diri, identiti lawan kekeliruan peranan, intim lawan pengasingan, menjanakan lawan tetap dan ketulusan lawan putus harapan.

Menurut Erikson (1956), krisis identiti keremajaan, iaitu identiti dengan kecelaruan peranan merupakan alam remaja yang paling penting. Pada tahap kelima ini, remaja mengalami perubahan-perubahan yang mendadak sama ada dari segi psikologi ataupun fizikal.

Mengikut Erikson (1968) pembentukan identiti adalah tugas yang asas para remaja. Para remaja harus membentuk imej diri yang sepadu sebagai individu yang unik. Sekiranya individu itu berjaya dididik untuk menanam kepercayaan terdapat diri dan orang lain, berautonomi dan berinisiatif, maka remaja berkemampuan menyelesaikan krisis identity secara positif, merasa berkeyakinan diri dan berkemampuan. Sekiranya berlaku sebaliknya, yakni merasai was-was terhadap orang lain, malu, rasa bersalah dan inferior. Maka individu akan merasa keliru tentang identiti dan matlamatnya.

Bagaimanapun, kebanyakan individu dikatakan berjaya menyelesaikan krisis identiti dengan cara yang agak konsisten dengan imej diri. Mereka dikatakan mempunyai sikap yang positif dan bertingkah laku seiring dengan matlamat dan nilai masyarakat. Justeru, peranan ibu

bapa, guru, rakan sebaya, dan masyarakat di persekitarannya adalah amat penting bagi menyelesaikan krisis identiti remaja. Jika remaja gagal gagal dalam pembentukan identiti maka wujudlah kekeliruan dan kekecewaan. Remaja seperti ini tidak dapat menilai yang mana buruk atau baik, remaja mula melakukan pelbagai salah laku seperti budaya melepak.


Teori Konsep Kendiri

Rogers (1951), menyatakan konsep kendiri seseorang individu adalah terbentuk melalui pengalaman. Akibat hasil interaksi dengan persekitarannya, seseorang individu akan mula sedar tentang peristiwa di luar dunianya. Pengalaman ini akan memberi kesedaran bahawa konsep aku yang ada soal kewujudan dirinya dan konsep diriku. Konsep kendiri juga merupakan cara seseorang individu menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada dirinya secara sedar serta melalui maklumat atau pandangan yang diterima daripada interaksi dengan orang lain.

Rogers (1980), mengkaji perkembangan individu dari kecil hingga dewasa. Pembentukan personaliti secara umum adalah bagi semua individu. Oleh itu, pelajar remaja yang tidak membawa masalah disiplin, latar belakang keluarga mempunyai konsep harga kendiri yang tinggi. Remaja ini berasal dari keluarga yang mendapat sokongan ibu bapa dan persekitaran. Ibu bapa bersikap menunjukkan minat, memberi layanan, dan mesra. Remaja didedahkan dengan gaya hidup yang permisif bukan mendera dan mempunyai amalan demokrasi.

Berdasarkan kepada pembentukan konsep kendiri menunjukkan perbezaan hubungan remaja dengan ibu bapa. Bagi membina pembentukan konsep kendiri yang positif, ibu bapa haruslah bertindak positif. Apabila membandingkan Rajah 2.2 dan Rajah 2.3, Rajah 2.3 menunjukkan persamaan yang sedikit di antara kendiri dengan pengalaman (Feist, 1985). Ini bermaksud remaja berada dalam keadaan risau, sedih dan tegang. Keadaan seperti ini, remaja perlu bantuan dan dorongan daripada ibu bapa untuk menyelesaikan masalah remaja.

Rajah 1 : Kongruen Kendiri



Pandangan Rogers (1980), terhadap manusia ialah individu mempunyai harga diri dan penghormatan diri, tingkah laku dilihat dari penghormatan diri, tingkah laku dilihat dari sudut persepsi, cenderung ke arah kesempurnaan sendiri dan manusia baik serta boleh dipercayai. Pandangan Rogers yang berkeadaan demikian, Rogers percaya remaja yang mengalami masalah dan melakukan aktiviti tingkah laku boleh dididik oleh ibu bapa dengan memberikan perhatian kepada perbuahan anak remaja. Di samping itu, setiap pendapat yang baik perlu diberi penghormatan oleh ibu bapa. Ibu bapa juga boleh membentulkan kesilapan yang dilakukan oleh anak-anak remaja dengan memberikan penjelasan dan hukuman yang sesuai. Ibu bapa harus meneliti tingkah laku anak remaja di luar kawasan rumah atau sekolah.

Salah satu prinsip teori konsep sendiri ialah ibu bapa dan guru perlu mengadakan perhubungan mesra dengan pelajar remaja. Apabila hubungan yang rapat diwujudkan pelajar remaja dapat meluahkan isi hati kepada mereka.

Teori Psikoanalisis Freud

Sigmund Freud mempelopori kajian tentang pembentukan personaliti manusia berpunca daripada sesuatu tenaga dari dalam diri manusia. Feist (1985), menyatakan hasil interaksi tenaga ini akan menghasilkan keseluruhan sifat dan tingkah laku manusia. Kajian Freud lebih memfokuskan interaksi kuasa-kuasa dalaman yang wujud dalam diri manusia. Interaksi melalui tenaga naluri sejati mendorong tingkah laku manusia untuk mencapai sesuatu tujuan. Tenaga ini juga memotivasikan tingkah laku manusia mencapai tujuan kehidupannya. Namun Freud, menekankan tenaga dorongan haruslah dikawal untuk membentuk persekitaran sosial yang bertamadun. Menurut Freud (1985), tiga komponen utama yang dikenali sebagai “Id”, “Ego” dan “Superego” wujud dalam memotivasikan tingkah laku manusia.

Manusia dilahirkan dengan Id tersendiri. Id berperanan sebagai dorongan “biological” dan tenaga naluri dalam memotivasikan manusia menghasilkan tingkah laku mengikut kehendak diri. Dorongan dan nafsu adalah secara tidak sedar dan tidak dipengaruhi oleh input luaran. Id membenarkan manusia mendapatkan keperluan-keperluan asas. Keperluan-keperluan asas ini wajar diperolehi sehingga mengabaikan realiti keadaan.

Ego memahami bahawa individu-individu lain juga mempunyai keinginan mereka yang tersendiri. Ego turut memahami bahawa bersikap terlalu mementingkan diri atau terlalu mendesak akan mendatangkan akibat yang buruk pada diri sendiri. Ego pada peringkat ini berfungsi dengan menyesuaikan keinginan-keinginan daripada id dan mempertimbangkan keinginan-keinginan tersebut kepada keadaan realiti persekitaran. Komponen Ego dalam diri berusaha mencari jalan untuk memuakan kehendak Id dalam mencapai tujuannya.

Superego merupakan komponen seperti kuasa dalam jiwa manusia yang mengawal segala kehendaknya dan menentukan kebaikan sesuatu tingkah laku dalam mencapai kehendak Id. Komponen ini juga menentukan sesuatu tingkah laku yang bersesuaian dengan suasana persekitarannya. Komponen ini bertindak mempengaruhi Ego mencari kaedah yang baik dalam memuaskan kehendak yang wujud dalam Id. Komponen Superego mempunyai hati naluri, iaitu nilai-nilai moral yang menjadi pegangan seseorang remaja. Nilai-nilai ini penting dalam mempengaruhi kehendak-kehendak remaja agar tingkah laku yang terhasil membentuk manusia yang bertamadun.

Nilai-nilai moral ini wujud dan berkembang hasil daripada didikan dan asuhan ibu bapa kita. Secara amnya, nilai-nilai moral dapat digeneralisasikan sebagai akhlak dalam diri manusia. Dengan wujudnya akhlak seterusnya dapat menghindarkan manusia daripada melangkaui batasan-batasan bagi segala perlakuan yang tidak beretika. Engler (1985) dan Feist (1985), ego sedar adalah hasil daripada pengalaman denda yang berpunca daripada tingkah laku tidak elok. Manakala super ego ideal adalah daripada pengalaman ganjaran yang berpunca daripada tingkah laku elok.

Secara keseluruhan bagi seseorang individu yang normal, Ego merupakan komponen yang dapat anggap sebagai terbaik kerana kebolehan Ego dalam menyesuaikan dan mempertimbangkan keinginan-keinginan Id dengan realiti persekitaran. Peranan Superego juga tidak dipandang ringan kerana kebolehan untuk menyedarkan Id sekiranya keinginan Id melangkaui batasan-batasan moral dan diluar kewarasan akal. Sekiranya tahap Superego adalah tinggi dalam diri seseorang individu, dirinya akan sentiasa didorong dengan perlakuan-perlakuan yang bermoral.

Jika remaja bercampur gaul dengan rakan yang sama sikap dan minat, remaja akan cenderung mengikuti tingkah laku rakan yang tidak baik seperti melepak. Ini kerana tingkah laku yang sama sahaja akan mendapat persetujuan dan ganjaran daripada rakan.

Freud menggambarkan manusia sebagai sejenis organisma yang kompleks dan terdiri daripada pelbagai sistem yang saling berkaitan. Freud menganggap manusia sebagai ciptaan yang kompleks kerana dalam diri manusia terdapatnya Id, Ego dan Superego yang memberi fungsi terhadap tingkah laku. Tenaga Psikik (Energy Psychic) merupakan sejenis bentuk tenaga yang terdapat diantara Id, Ego dan Superego yang bertindak secara luar sedar dan seterusnya menghasilkan tingkah laku. Freud turut menyatakan bahawa diri manusia adalah sepenuhnya didorong dan dipengaruhi oleh dorongan biologi dan naluri. Naluri adalah merupakan Tenaga Psikik yang sebenarnya (pada awalnya) adalah terletak pada Id. Naluri ini kemudiannya bergerak pula kepada Ego dan Superego.

Freud mengklasifikasikan naluri kepada dua kategori iaitu:

(i) Naluri Kehidupan (Life Instincts)

Naluri Kehidupan ini adalah naluri untuk manusia terus hidup iaitu seperti kepuasan daripada makanan, minuman seksual dan kemampuan untuk terus hidup di muka bumi. Naluri Kehidupan ini berfungsi dengan menggunakan sejenis bentuk tenaga yang digelar sebagai Libido. Secara awalnya, Libido merupakan istilah yang merujuk kepada tenaga atau dorongan seksual, namun kemudiannya (kini) telah digunakan secara meluas merangkumi semua jenis naluri dalam kehidupan manusia.

(ii) Naluri Kematian (Death Instincts)

Naluri Kematian ini adalah berkait rapat dengan tingkah laku agresif dan memusnahkan (destructive). Freud hanya mengulas sedikit sahaja berkaitan naluri kematian ini. Biarpun tidak secara mendalam, Freud menyakini bahawa naluri ini merupakan dorongan bermotivasi dalam diri manusia yang seterusnya menghasilkan tingkahlaku.

Teori Pembelajaran Sosial

Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura merupakan satu teori umum mengenai tingkah laku manusia. Teori Pembelajaran Sosial menekankan kepentingan memerhati dan memodel tingkah laku, sikap, dan reaksi emosi orang lain. Bandura (1977), menerangkan tingkah laku manusia dari segi interaksi timbal-balik yang berterusan antara pengaruh kognitif, tingkah laku, dan persekitaran. Proses komponen yang menjadi dasar kepada pembelajaran melalui pemerhatian ini adalah pertama, perhatian, termasuklah peristiwa yang dimodelkan dan ciri-ciri pemerhati; kedua, pengekalan, termasuklah pengkodan simbolik, penyusunan kognitif, latihan simbolik dan, latihan motor; dan yang ketiga, penghasilan semula motor, termasuklah kemampuan fizikal ketepatan tindak balas, dan motivasi.

Terdapat tiga prinsip dalam teori. Prinsip yang pertama ialah menyusun dan melatih tingkah laku yang dimodelkan secara simbolik dan kemudian penggubalnya secara nyata. Tahap tertinggi pembelajaran yang dimodelkan kepada perkataan, label, atau imej menghasilkan penstoran yang lebih baik berbanding dengan hanya memerhati. Prinsip yang kedua ialah seseorang individu lebih cenderung untuk menerima tingkah laku yang dimodelkan sekiranya ia menghasilkan keputusan yang bernilai bagi mereka. Akhir sekali, dalam prinsip yang ketiga, seseorang individu itu cenderung menerima tingkah laku yang dimodelkannya sekiranya model tersebut sama pada pemerhati dan mempunyai status yang dikagumi dan tingkah laku tersebut mempunyai nilai fungsional.

Premis utama dalam teori ini ialah manusia belajar dengan memerhatikan cara orang lain. Bandura (1986), menggunakan istilah pemodenan untuk menerangkan proses respon-

perolehan (pemerhatian respon dan permodelan orang lain), dan mengakui bahawa permodelan boleh mempunyai kesan yang sama dengan pengalaman langsung.


Teori Pertukaran Sosial

B. F. Skinner (1953), menegaskan konsep peneguhan pada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam aspek bilik darjah. Hubungan interpersonal remaja juga dapat dilihat daripada aspek peneguhan. Menurut Skinner (1953), ganjaran yang diperolehi daripada rakan sebaya adalah tinggi berbanding kos, maka nilai hasil perhubungan interpersonal yang tinggi. Kos adalah masa, emosi, dan tenaga serta perbelanjaan yang digunakan sepanjang tempoh membina hubungan persahabatan.

Remaja pada peringkat kepuasan ini belajar membandingkan hasil hubungan interpersonalnya dengan paras perbandingan dirinya. Seterusnya remaja akan membuat keputusan sama ada hubungan perlu diteruskan atau tidak.

Paras perbandingan yang alternatif, remaja dapat membandingkan hasil hubungan interpersonal yang baru. Pelaburan termasuk wang dan masa yang dilaburkan dalam menjalinkan hubungan dengan orang lain.

Rajah 2: Elemen-Elemen Utama Teori Pertukaran Sosial Dan Kesannya Ke Atas Perhubungan (Sumber: Diubahsuai daripada Weiten, W. Lloyd, 1994)



2.4.8 Teori Pesonaliti

Semua ini dapat dijelaskan oleh teori Personaliti Karan Horney (1950), menekankan tentang hubungan awal di antara ibu bapa dan anak sebagai faktor penting dalam perkembangan

personaliti seseorang individu. Sekiranya hubungan tersebut adalah positif dan berasaskan kepada kasih sayang, kanak-kanak akan berkembang secara normal. Manusia yang normal akan lebih bersikap fleksibel dan spontan serta meletakkan matlamat sesuai dengan kebolehan mereka. Mereka juga hidup dan berkecenderungan untuk mencapai realisasi diri. Sebaliknya, bagi kanak-kanak yang mempunyai hubungan yang negatif dengan ibu bapa mereka, perasaan tertekan yang wujud akan menyebabkan timbulnya keresahan dalam diri mereka.

Dalam Teori Personaliti Gordon Allport (1961), menekankan bahawa personaliti adalah dinamik, tersusun dan unik. Beliau menambah bahawa personaliti adalah tingkah laku yang terpandu. Allport percaya bahawa kebanyakan trait adalah diwarisi tetapi beliau tidak membuat kajian untuk membuktikan teorinya. Beliau berpendapat bahawa seorang yang telah merupakan individu yang terganggu perkembangan positifnya disebabkan oleh rasa kurang selamat di zaman kanak-kanaknya. Untuk mengatasinya, ia perlu merasa disayangi dan diperlukan. Allport juga menyokong bahawa pembentukan personaliti saya yang positif amat bergantung kepada kasih sayang pada usia awal.

Rujukan

- Kvreceus, W. C. (1945). *Jurvinile Delinquency and The School*. New York: World Book Co.
- Maslow (1968). *Towards a Psychology of Being*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Erikson, E. (1956). *The Problem Of Ego Identity*. Journal of the American Psychoanalytic Association , 4, 56-121.
- Erikson, F. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York: W. W. Norton.
- Rogers,S.R.(1951). *Client Centred Therapy: Its Current Practice, Implication and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.
- Rogers, R, R. (1980). *A Way Of Being*. Boston: Houghton Mifflin.
- Feist, J. (1985). *Therioes of Personality*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Freud, A. (1985). *Adolescece in Psychoanalytic Study of The Child*. New Haven: Yale University Press. Vol. 13,255-278.
- Engler, B. (1985). *Personality Theories: An Introduction*. 2nd Ed. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Bandura, A.(1977). *Social Learning Theory*. New Jersey.Prentice Hall.Inc.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Skinner B. F. (1971). *Beyong freedom and diginity*. London: Jonathan Cape.
- Horney ,K (1950). *Neurosis and Human Growth ,The Struggle Toward Self-Realization*. New York: Norton
- Allport, G.W.(1961). *Pattern and Growth in Personality*. New York : Holt ,Rine hart and Winston.